

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, November 14, 2018 7:50 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Utamakan Tiga Prinsip: Kasih Sayang, Kegembiraan Dan Menghormati



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

14 NOVEMBER 2018 / 6 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UTAMAKAN TIGA PRINSIP: KASIH SAYANG, KEGEMBIRAAN DAN MENGHORMATI



UUM ONLINE: Graduan universiti disarankan untuk mengutamakan tiga prinsip asas iaitu kasih sayang, kegembiraan dan rasa menghormati sesama insan dalam berinteraksi.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, prinsip yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) itu akan memberi nilai istimewa dalam melaksanakan semua urusan ketika bertugas.

Menurutnya, ia juga akan mendorong untuk memberi perkhidmatan yang profesional dan berintegriti tinggi kepada masyarakat dan negara.

"Sa'ada (kegembiraan) disebut sebagai konsep utama dalam falsafah Islam yang merupakan satu daripada tujuan utama kehidupan manusia dan mengikut kajian selama 75 tahun di Amerika Syarikat, persaudaraan antara insan adalah faktor utama yang menentukan kegembiraan dan kebahagiaan seseorang dalam hidup.

"Tingkatkanlah persaudaraan dengan semua insan yang berurusan dengan kita supaya kegembiraan yang bermakna dapat dicapai dalam kerjaya dan kehidupan harian," katanya pada sesi kelima Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM di Dewan Mu'adzam Shah.

Tambah beliau, kehidupan adalah satu perjalanan yang mencabar dan beliau mengingatkan bahawa perjalanan tersebut sebaik-baiknya diisi dengan kegembiraan yang dilalui graduan pada hari bersejarah ini.

Menurutnya, jika ingin mencapai kegembiraan mutlak, semua orang harus faham bahawa tiada jalan lain selain mengikut jalan yang ditunjuk oleh Allah SWT.

"Oleh itu, saya menyarankan supaya graduan menemui cara untuk mencapai kegembiraan dalam kehidupan dan berharap kegembiraan ini akan berkekalan dan seterusnya mendorong untuk menimba ilmu dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

"Saya juga berharap semua graduan dapat muncul sebagai pemimpin yang langsung menegakkan moto universiti iaitu 'Ilmu, Budi, Bakti'," katanya.

Dalam ucapan tersebut juga, Naib Canselor berkata, dunia kini berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0 yang mana perubahan besar tamadun manusia akan bermula dengan kemunculan *supercomputer*, robot pintar, kenderaan tanpa pemandu, suntikan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia mengoptimumkan fungsi otak seperti yang dinyatakan dalam buku *'The Fourth Industrial Revolution'* oleh Klaus Schwab, pengasas Forum Ekonomi Dunia.

Menurutnya, perubahan trend dalam era globalisasi dan digital itu memerlukan pekerja memperkayakan pengetahuan mereka dan mengubah cara bekerja daripada menjalankan tugas rutin kepada peranan lebih besar sebagai *'knowledge workers'* yang sentiasa kreatif, inovatif dan berintegriti dalam menangani cabaran baharu.

Sehubungan itu, kata beliau, diharap kegembiraan dan kejayaan yang dikecapi graduan akan berkekalan dan terus mendorong untuk menggapai kecemerlangan dalam semua pekerjaan yang diceburi.

Pada sesi tersebut, seramai 780 graduan menerima ijazah masing-masing termasuk anugerah utama universiti yang disampaikan Naib Canselor.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.